

# Program Geografi UMS laksana CSR di Tamparuli

UB 21.2.2018 83

FAKULTI Kemanusiaan  
Seni dan Warisan (FKSW),  
Universiti Malaysia Sabah  
(UMS) melalui Program  
Mentor Mentee HA18  
Geografi mengadakan  
Kempen Kebersihan di  
Pekan Tamparuli.

Diadakan dengan  
kerjasama stesen radio  
VOKFM dan Pejabat  
Daerah Kecil Tamparuli,  
program itu memfokuskan  
kawasan tapak tamu dan  
lot letak kereta Bataras  
di daerah itu sebagai satu  
program tanggungjawab  
sosial korporat (CSR).

Menurut kenyataan yang  
dikeluarkan oleh FKSW,  
ia melibatkan seramai 50  
pelajar jurusan geografi  
serta empat pensyarah.



**MAHASISWA UMS sedang mengutip sampah.**



**KESEMUA yang terlibat dalam program CSR mengambil gambar kenangan sebelum acara bermula.**

Program yang bermula  
seawal jam 7 pagi itu  
menyasarkan orang awam  
yang berkunjung ke dua  
lokasi yang difokuskan

berkenaan bagi memberikan  
pendedahan tentang  
kesedaran kebersihan alam  
sekitar.

Selain itu, kenyataan

berkenaan juga  
memaklumkan bahawa  
program itu bertujuan  
mendidik mahasiswa yang  
terlibat teknik interaksi

yang berkesan bersama  
komuniti setempat.

Turut menjayakan  
program itu ialah Balai Polis  
Tamparuli.